

**PELANCONGAN KESIHATAN SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN NEGARA:
POTENSI, IMPAK DAN CABARAN**
**HEALTH TOURISM AS A SOURCE OF NATIONAL INCOME: POTENTIAL, IMPACT AND
CHALLENGES**

MOHAMAD ZAKI AHMAD, JOHAN AFENDI IBRAHIM DAN HOOD MOHD. SALLEH

ABSTRAK

Dalam “kesihatan” ekonomi global yang tidak menentu, pelancongan masih teguh menjadi salah satu industri terbesar dunia dan secara berterusan mencatatkan kadar perkembangan yang amat memberangsangkan. Arus kemodenan pada era globalisasi kini telah memberi kesan kepada perubahan citarasa dan kehendak pelancong. Oleh itu, beberapa konsep pelancongan minat tertentu (*special interest tourism*) termasuk pelancongan kesihatan telah diperkenal dan dibangunkan di seluruh dunia. Di Malaysia, pelancongan kesihatan semakin mendapat perhatian dan menarik lebih ramai pelancong dan pelawat dari masa ke semasa. Malahan, menjelang tahun 2010, pelancongan kesihatan dijangka menghasilkan pendapatan berjumlah RM2.0 billion setelah mencatatkan pendapatan pertukaran asing yang dianggap mencapai RM925 juta pada 2005. Secara umumnya, tumpuan dan keutamaan kepada pembangunan pelancongan adalah didorong oleh sumbangan dan manfaat pelancongan itu sendiri terutamanya dalam aspek sosio-ekonomi. Justeru, melalui kertas konseptual ini, aspek-aspek seperti definisi dan konsep pelancongan kesihatan, potensi dan impak serta cabaran-cabaran dalam membangunkan pelancongan kesihatan di Malaysia akan dibincang dan diperjelaskan.

ABSTRACT

In the "health" of global economic uncertainty, tourism is one of the world's largest industry and continuously record an impressive growth rate. Modernization in the era of globalization has affected the changes in tastes and preferences of tourists. Hence, some concepts of special interest tourism, including medical tourism has been introduced and developed throughout the world. In Malaysia, medical tourism is gaining attention and attracting more tourists from time to time. In fact, by 2010, medical tourism is expected to generate revenue of RM 2.0 billion compered to foreign exchange of recorded approximately RM 925 milion in 2005. In general, the focus and priority to tourism development is driven by the contributions and the benefits of tourism itself, especially in the socio-economic aspects. Thus, this conceptual paper attempts to clarify and justify the characteristics of the medical tourism such as the definition and concept of health tourism as well as the impact and challenges in developing medical tourism in Malaysia.

PENGENALAN

Sejak beberapa dekad yang lalu, pelancongan telah berkembang menjadi antara industri terbesar dunia. Tahun demi tahun, berbilion-bilion Dollar telah dibelanjakan oleh para pelancong dan jumlah kedatangan pelancong dunia juga secara konsistennya menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa. Dalam konteks peluang pekerjaan pula, melalui gabungan sektor-sektor perkhidmatan utama seperti pengangkutan, penginapan, tarikan dan perkhidmatan makanan, pelancongan sesungguhnya menawarkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan berbanding industri-industri lain di dunia.

Pasaran pelancongan antarabangsa telah mengalami perubahan semenjak 1950an. Ini disebabkan masyarakat dunia terutamanya di negara-negara maju dan sebilangan negara yang sedang membangun menikmati taraf sosioekonomi yang semakin baik. Majoritinya menerima pendidikan, mempunyai pekerjaan, memperolehi gaji yang setimpal, insentif daripada majikan dan kerajaan yang menyumbang peningkatan kuasa berbelanja serta mempunyai masa lapang yang panjang. Selain itu, perubahan sosiodemografi juga mempengaruhi permintaan terhadap perjalanan meliputi penduduk aktif mengikut

umur, lambat mendirikan rumah tangga, keluarga yang mempunyai dua pendapatan, pasangan yang tidak mempunyai anak dan kewujudan ramai individu dewasa. Perilaku pelancong kini menjadikan kepuasan daripada aktiviti yang dilakukan sebagai matlamat utama berbanding wang yang dibelanjakan untuk perjalanan.

Laporan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia atau World Tourism Organisation (UNWTO) menyatakan bahawa jumlah kedatangan pelancong antarabangsa sentiasa menunjukkan peningkatan terutamanya antara tahun 2004 dan 2007 yang telah mencatatkan pertumbuhan amat memberangsangkan pada kadar purata tahunan 7% didorong oleh perkembangan ekonomi dunia yang optimistik. Untuk tahun 2008 pula, kedatangan pelancong antarabangsa masih mencatatkan pertumbuhan di sekitar 5% antara Januari dan April 2008 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2007 walaupun menghadapi kekangan, masalah dan ketidakpastian ekonomi global. Secara keseluruhannya, UNWTO meramalkan peningkatan yang positif pada kadar yang lebih perlahan untuk pelancongan antarabangsa bagi tahun ini.

Walaupun dilanda dengan beberapa masalah dan bencana, *trend* atau jumlah kedatangan pelancong ke kebanyakan destinasi pelancongan dunia termasuk Malaysia menunjukkan peningkatan yang positif. Pelancongan negara juga dapat menyaksikan sumbangan besar yang telah dan sedang dijana melalui industri yang juga begitu sinonim dengan gelaran 'industri yang paling anjal' (*the most resilient industry*) ini. Pada tahun 2006 sahaja, terdapat 17.55 juta pelancong luar telah melawat negara ini dengan menjana pendapatan berjumlah melebihi RM36,271 juta manakala pada tahun 2007, jumlah kedatangan pelancong luar telah meningkat kepada 20.97 juta pelancong.

Dalam konteks pelancongan negara, terdapat pelbagai sektor baru dan tarikan yang sedang dan telah diketengahkan bagi merancakkan lagi industri ini terutamanya dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara. Antaranya ialah mempromosikan pelancongan kesihatan (yang turut dikenali sebagai pelancongan perubatan) sepertimana yang difokuskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan: "*Usaha mempromosi pelancongan kesihatan akan dipergiat bagi menempatkan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan yang baru di dunia. Sehubungan ini, sektor swasta akan digalakkan menyertai pelbagai pameran perdagangan dan ekspo bagi mempamerkan perkhidmatan kesihatan Malaysia dalam rawatan tradisional dan moden. Menjelang tahun 2010, pelancongan kesihatan dijangka menghasilkan pendapatan berjumlah RM2.0 billion.*"

Komitmen tinggi kerajaan dalam terus menyokong dan membangunkan pelancongan kesihatan ini didorong oleh kemajuan dan sumbangan pelancongan kesihatan bagi tempoh 2001-2005 sebagaimana petikan laporan berikut: "*Bagi pelancongan kesihatan, aktiviti promosi dan pemasaran secara intensif diteruskan bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi penting untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti. Pendapatan pertukaran asing daripada pelancongan kesihatan dianggarkan mencapai RM925 juta pada tahun 2005*". Malah, Penubuhan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan Jawatankuasa Penasihat Pelancongan Kesihatan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop membuktikan komitmen kukuh kerajaan untuk terus menyokong pertumbuhannya.

DEFINISI DAN KONSEP

Mathieson dan Wall (1982) mendefinisikan "pelancongan" sebagai "pergerakan sementara manusia ke destinasi-destinasi di luar kawasan tempat tinggal dan kerja mereka, aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan ketika tinggal di destinasi-destinasi berkenaan, dan kemudahan-kemudahan yang dibangunkan untuk memenuhi keperluan mereka di sana." Menurut Macintosh dan Goeldner (2003) pula "pelancongan" ialah "gabungan fenomena dan hubungan-hubungan yang wujud daripada interaksi antara pelancong-pelancong, pembekal perniagaan (perkhidmatan), kerajaan tuan rumah (host) dan masyarakat tuan rumah dalam proses menarik dan menerima kedatangan para pelancong ini dan pelawat-pelawat lain." Dalam perkataan lain, pelancongan merupakan tindakan dan aktiviti-aktiviti manusia dalam perjalanan ke suatu tempat di luar komuniti tempat tinggal mereka untuk tujuan-tujuan selain daripada berulang-alik dari/ke tempat kerja. Malahan, terma pelancongan turut merangkumi perjalanan bagi tujuan perniagaan dan perjalanan untuk percutian atau keseronokan.

Manusia melancong atas tujuan atau motif-motif tertentu. Dalam konteks ini, alasan-alasan untuk mengembara atau melancong sentiasa wujud dan memandu kepada pengalaman sebenar yang ingin dicapai oleh para pelancong atau pelawat. Epperson (1983) telah merangka satu model yang merangkumi dorongan untuk melakukan perjalanan berdasarkan faktor-faktor 'tarikan' (*pull*) dan 'tolakan' (*push*).

Faktor tarikan (sesuatu yang boleh dirasakan dan dilihat oleh pancaindera seperti keindahan permandangan) yang menarik dan mendorong manusia ke sesuatu destinasi terus menjadi alasan penting untuk mereka melakukan perjalanan. Faktor-faktor tarikan merangkumi elemen manusia, tempat dan aktiviti. Antara contohnya adalah: rakan-rakan, sanak saudara, selebriti, kawasan indah, tempat bersejarah, acara sukan, acara budaya, acara pendidikan dan acara rekreasi. Manakala faktor tolakan pula merupakan motivasi-motivasi, keperluan-keperluan dan cara pemikiran yang wujud dalam diri kita yang mendorong untuk melakukan perjalanan seperti melancong untuk tujuan mencari cabaran, prestij, pengiktirafan, pengalaman berbahaya, keanehan atau sesuatu yang baru, ketenangan dan beristirahat.

Pelancongan boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk berdasarkan jenis pengangkutan yang digunakan, perbelanjaan atau harga yang dibayar, tempoh tinggal, atau interaksi pelancong dengan destinasi. Dari sudut geografi, perbezaan utama dan yang terpenting adalah di antara pelancongan domestik dan pelancongan antarabangsa. Pelancongan juga terdiri dan disokong oleh komponen atau sektor-sektor seperti pengangkutan, penginapan, tarikan, agensi perjalanan dan pengembaraan, pengendali pelancongan, promoter pelancongan, perkhidmatan makanan dan minuman serta agensi pengurusan kawasan (negara, negeri, daerah, atau tempatan).

Ramai penulis mempunyai persepsi tersendiri mengenai pelancongan kesihatan. IOUTO (1973) dalam Hall (1992) berpendapat pelancongan kesihatan adalah :

'The provision of health facilities utilizing the natural resources of the country, in particular mineral water and climate'.

Hall (1992) merujuk kepada Van Sliepen (dalam Goeldner, 1989) pula berpendapat bahawa pelancongan kesihatan adalah :

'Staying away from home, health [as the] most important motive, and done in a leisure setting'.

Berdasarkan kedua-dua definisi di atas, dapat difahami pelancongan kesihatan adalah perjalanan ke destinasi bertujuan meningkatkan kesejahteraan kesihatan. Secara umum, pelancongan kesihatan bukanlah merupakan satu konsep baru bagi pelancongan di mana manusia (pelancong) telahpun mengembara dari negara asal mereka ke tempat-tempat tertentu di seluruh dunia sejak beberapa abad yang lalu dalam usaha meningkatkan kualiti kesihatan diri (fizikal dan mental) melalui aktiviti-aktiviti berkaitan dan bagi mendapatkan rawatan-rawatan perubatan yang baru. Pada abad ke-17, konsep ini diberi nafas baru dengan pembinaan beberapa resort moden (Lowenthal, 1962 dalam Hall, 1992). Selain itu, tempoh pelayaran yang lama ke sesuatu tempat dan perubahan iklim menyebabkan mereka mengunjungi pusat-pusat rawatan untuk berehat dan meningkatkan tahap kesihatan (Hall, 1992 merujuk Mathieson & Wall, 1992; Wright, 1988).

Pelancongan kesihatan juga turut didefinisikan sebagai 'pengembaraan untuk tujuan meningkatkan kualiti minda, tubuh badan dan semangat (roh) individu, keluarga dan kumpulan.' Malahan, pelancongan kesihatan turut merujuk kepada aspek mencari ketenangan atau meredakan tekanan dengan pergi ke tempat-tempat tertentu seperti Sanatorium, Resort Kesihatan Tanah Tinggi, kolam-kolam air panas semulajadi atau pusat-pusat Spa dan Jacuzzi. Kesan permodenan telah mendorong kekerapan individu melakukan perjalanan serta kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan menyebabkan konsep ini berkembang dengan ketara di beberapa negara seperti Austria, Perancis, Jerman, Israel dan Switzerland. Kebanyakan bandar utama di dunia dan destinasi pelancongan luar bandar menyediakan produk-produk berasaskan pelancongan kesihatan seperti pusat-pusat rawatan tradisional dan moden serta taman rekreasi dan taman herba. Pelancong yang datang ke bandar atas pelbagai urusan memilih menggunakan produk-produk ini untuk merehatkan badan dan minda. Harga yang ditawarkan adalah berpatutan dengan jenis perkhidmatan yang dikehendaki.

Menurut Van Sliepen (1989) dalam Hall (1992), segmen pasaran pelancongan kesihatan dapat dikategorikan kepada lima meliputi :

- i. Aktiviti hiburan dibawah sinaran matahari.
- ii. Melibatkan aktiviti kesihatan tetapi bukan tujuan utama perjalanan (pelancongan pengembaraan, pelancongan sukan, berbasikal, mendaki gunung dan bermain golf).
- iii. Bermotifkan kesihatan dengan menaiki kapal persiaran ke destinasi berlainan iklim.
- iv. Perjalanan untuk sauna, urutan dan aktiviti-aktiviti kesihatan lain (resort spa).

v. Rawatan perubatan.

Pelancongan kesihatan, yang amat sinonim dengan pelancongan perubatan, juga merupakan pergerakan pelancong-pelancong sama ada domestik ataupun antarabangsa ke destinasi tertentu bagi mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan daripada prosedur pilihan biasa hinggalah kepada pembedahan kompleks oleh pakar seperti pintasan jantung, pembedahan penggantian organ, pembedahan pergigian dan pembedahan kosmetik. Kunci “nilai jualan” pelancongan kesihatan adalah aspek “*cost effectiveness*”nya (keuntungan atau faedah yang mencukupi berbanding dengan kos yang dibelanjakan) dan kombinasi pelancongan kesihatan dengan tarikan-tarikan pelancongan destinasi sebagai satu pakej.

IMPAK PELANCONGAN

Sebagai satu industri yang dinamik, pelancongan menawarkan komuniti dalam semua bentuk dan saiz peluang-peluang pembangunan yang unik. Bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu tidak semua komuniti adalah sesuai dengan pelancongan, malahan pembangunan pelancongan tidak semestinya sesuai untuk setiap komuniti. Secara umumnya, impak pelancongan adalah sama ada ianya positif atau negatif bergantung kepada ciri-ciri kawasan berkaitan (jenis dan sejauh mana pelancongan telah dimajukan) dan ciri-ciri masyarakat setempat (penerimaan terhadap kesan-kesan berkenaan). Impak-impak pelancongan pada kebiasaannya dibincangkan dari sudut ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran (alam sekitar).

Jenis dan kepentingan impak-impak pelancongan adalah berbeza antara satu komuniti dengan komuniti yang lain. Secara umum, saiz, sifat dan had bagi impak pelancongan adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti dalam **Jadual 1**.

Impak-impak pelancongan datang dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Memandangkan potensi ekonominya yang besar, banyak tempat yang membangunkan pelancongan terutamanya atas alasan penjanaan peluang-peluang pekerjaan, penjanaan pendapatan yang lebih baik dan industri pelancongan yang sering disifatkan sebagai satu industri yang *smokeless and clean* (tanpa asap dan bersih). Tambahan pula, pelancongan dapat membantu melindungi alam sekitar, menjaga dan memulihara aspek warisan budaya dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Bagaimanapun, pelancongan juga akan menyumbangkan impak-impak negatif jika dibangunkan tanpa perancangan yang berkesan dan menyeluruh. **Jadual 2** menyenaraikan impak-impak ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran berkaitan pembangunan dan aktiviti pelancongan secara umum.

PELANCONGAN KESIHATAN: PERKEMBANGAN, POTENSI DAN SUMBANGAN

Idea menggabungkan aktiviti kesenggangan (*leisure*) di tempat-tempat pelancongan dengan elemen penjagaan kesihatan bukanlah satu konsep yang baru, namun secara relatifnya pelancongan kesihatan di Malaysia masih baru dan berada di peringkat awal pembangunannya. Konsep pelancongan kesihatan mula diperkenalkan di Malaysia pada 1998 oleh kerajaan sebagai satu strategi bagi menghadapi krisis ekonomi Asia dengan fokus untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang dapat menjana dan menyumbang kepada pendapatan negara secara berterusan. Menurut Kementerian Kesihatan, *semua aktiviti gabungan 'penjagaan kesihatan dengan pelancongan' yang dapat menjana kekayaan kepada ekonomi tempatan* dikategorikan di bawah pelancongan kesihatan. Program penjagaan kesihatan yang merangkumi antaranya penjagaan dan rawatan perubatan serta program kecergasan juga merupakan komponen bagi pelancongan kesihatan.

Berita Harian (11 September 2004) melaporkan bahawa kerajaan memperkenalkan lima langkah untuk meningkatkan sumbangan dalam sektor pelancongan kesihatan kepada ekonomi negara. Lima langkah untuk mendorong pembangunan sektor pelancongan kesihatan ialah:

- Menyusun pakej pelancongan kesihatan dengan menyelaras tawaran hospital dan hotel serta membentuk rangkaian rujukan antarabangsa;
- Menggalakkan hospital mendapat akreditasi antarabangsa dan mengadakan hubungan strategik dengan pusat perubatan terkemuka di dunia;
- Menggalakkan pembentukan syarikat kesihatan multinasional Malaysia oleh pihak swasta;
- Melonggarkan syarat Imigresen bagi pakar perubatan dan terapi asing serta pesakit; dan

- Menyokong penyelidikan klinikal di institusi kesihatan untuk membina pusat kecemerlangan klinikal.

Bernama (21 Disember 2009) pula telah melaporkan usaha dan komitmen kerajaan yang terkini dalam usaha menjadikan pelancongan kesihatan satu industri yang mendatangkan manfaat ekonomi dan sosial kepada negara. Dalam laporan tersebut, menurut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan menggariskan lima insentif bagi menjana pertumbuhan industri pelancongan jagaan kesihatan dan menjadikan hospital swasta lebih berorientasikan eksport. Justeru, bagi menggalakkan hospital swasta mengembangkan kapasiti mereka, kerajaan akan menyediakan pengecualian cukai yang bersamaan dengan 100 peratus modal perbelanjaan kelayakan yang ditanggung bagi tempoh lima tahun bagi pembinaan hospital baru atau untuk pengembangan, modenisasi atau penambahbaikan bagi hospital-hospital sedia ada. Selain itu, bagi terus memajukan industri pelancongan kesihatan, Malaysia akan menambahbaik galakan cukai untuk penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kepada pelancong asing. Dalam konteks ini, pengecualian cukai pendapatan penyedia perkhidmatan kesihatan ditingkatkan daripada 50 peratus nilai peningkatan pendapatan eksport kepada 100 peratus. Kerajaan percaya bahawa langkah ini membolehkan penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan menawarkan servis yang lebih berkualiti bagi menarik lebih ramai pelancong kesihatan ke negara ini.

Malaysia kini berada di kedudukan yang baik untuk mempromosi pelancongan kesihatan memandangkan kualiti dan kemampuan perkhidmatan penjagaan kesihatannya, kepakaran pakar perubatannya yang amat berkelayakan, serta terdapatnya kemudahan dan peralatan moden dan berteknologi tinggi. Kemudahan perubatan serta perkhidmatan kesihatan bertaraf antarabangsa pada kos yang rendah berbanding dengan negara-negara maju serta faktor masyarakat dan penyedia perkhidmatan yang mampu berkomunikasi dengan baik dalam bahasa-bahasa antarabangsa terutamanya Bahasa Inggeris juga menjadi daya penarik kepada para pelancong. Di Malaysia, kesemua pusat perubatan atau hospital swasta dilulus dan dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan. Pusat-pusat perubatan ini juga sebahagian besarnya telah menerima sijil pengiktirafan bagi standard kualiti yang ditawarkan seperti MS ISO 9002 atau akreditasi daripada *Malaysian Society for Quality of Health* (MSQH). Kebanyakan daripada pusat-pusat perubatan ini terletak di lokasi yang strategik berhampiran dengan terminal pengangkutan dan kemudahan-kemudahan utama yang lain. Sementara itu, penjagaan kesihatan pergigian ditadbir oleh Persatuan Pergigian Malaysia bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan pergigian bertaraf tinggi diberikan kepada pesakit.

Antara perkhidmatan perubatan yang ditawarkan di bawah pelancongan kesihatan adalah pakej pemeriksaan kesihatan, perkhidmatan *diagnostic/therapeutic* dan prosedur perubatan lain seperti rawatan kanser, pembedahan jantung dan rawatan kosmetik. Kadar pertukaran matawang asing yang menarik menjadikan kos rawatan di Malaysia pada kadar yang mampu di bayar terutamanya oleh pelancong antarabangsa. Sebagai contoh, pembedahan pintasan jantung menelan belanja antara USD6000-USD7000. Tetapi kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM3.80 membuatkan pelancong antarabangsa datang mendapatkan rawatan berkenaan di Malaysia kerana kos tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding dengan kos rawatan di negara asal mereka.

Sektor-sektor lain dalam pelancongan terutamanya hotel-hotel tempatan juga turut dapat meningkatkan pendapatan melalui potensi dan sumbangan daripada pelancongan kesihatan di Malaysia. Hotel-hotel tersebut selalunya berkerjasama dengan pusat-pusat perubatan yang berkenaan dengan menawarkan skim percutian kesihatan/perubatan atau pakej pemeriksaan kesihatan yang menggabungkan penginapan dengan pemeriksaan penuh kesihatan bagi para pelancong. *Trend* terkini turut menyaksikan hotel-hotel turut menyediakan kemudahan penjagaan dan kesejahteraan kesihatan yang komprehensif melalui penawaran percutian spa dan pakej 'keremajaan' kesihatan kepada pelanggan.

Antara Januari 1998 hingga Jun 2000, hampir 400,000 pesakit (pelancong) antarabangsa yang mendapatkan rawatan di Malaysia. Pendapatan daripada pelancongan kesihatan juga menunjukkan peningkatan yang mantap dan berterusan sejak 1998. Dianggarkan bahawa pelancongan kesihatan telah menjana pendapatan berjumlah RM150.9 juta pada 2005 dan jumlah ini telah meningkat kepada RM203.6 juta pada 2006 dan RM253.84 juta pada tahun lalu manakala jumlah pelancong kesihatan pula meningkat daripada 232,161 orang pada 2005 kepada 296,687 orang pada 2006 dan 341,288 orang pada 2007. Menurut Laporan Ekonomi 2009/2010, ketibaan pelancong kesihatan melonjak hampir 10 kali ganda daripada 39,114 orang pada 1998 kepada 374,063 pada 2008 dan jumlah yang dijana daripada peningkatan itu adalah daripada RM14.1 juta kepada RM299.1 juta (www.bernama.com). Malahan, menurut Bernama lagi, industri pelancongan negara bakal mengalami peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana pelancongan berasaskan kesihatan berjaya menjana pendapatan berjumlah RM330 juta dengan

peningkatan pesakit asing seramai 430,000 orang. Dengan *trend* sedia ada yang begitu memberansangkan, adalah sesuatu yang tidak mustahil untuk Malaysia terus menjana pendapatan yang tinggi melalui sektor pelancongan kesihatan negara.

Pelancongan kesihatan di Malaysia jika dirancang dan dibangunkan secara sistematik dan mampan mampu untuk menyumbangkan faedah (impak positif) melebihi kos (impak negatif). Berdasarkan penjanaan pendapatan yang semakin meningkat saban tahun, sesungguhnya pelancongan kesihatan berupaya mengukuhkan lagi ekonomi negara dan membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan sektor pelancongan kesihatan negara. Dibantu oleh teknologi yang tidak kurang hebatnya, pusat perubatan di Malaysia khususnya hospital swasta, mampu menjadi pilihan utama warga asing untuk datang mendapatkan rawatan di negara ini. Secara konsistennya, pertambahan jumlah mereka pastinya akan memberi lebih ruang kepada pengusaha hospital swasta di negara ini untuk meningkatkan teknologi servis yang ditawarkan. Justeru, secara langsung ianya akan dapat melonjakkan tahap kepakaran serta teknologi yang seterusnya memberi pelbagai kesan limpahan kepada sektor-sektor lain. Industri pelancongan akan dimajukan dengan menawarkan diagnostik, ginekologi, kardiologi, oftalmologi, perkhidmatan saringan perubatan, pembedahan saraf dan pembedahan kosmetik, serta perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang lain seperti rawatan perubatan alternatif (tradisional), homeopati, spa dan refleksologi.

Di samping meningkatkan pendapatan negara, pelancongan kesihatan sudah semestinya pasti menawarkan peluang-peluang pekerjaan baru kepada rakyat negara ini dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran. Sektor pelancongan ini juga berupaya menggerakkan pembangunan dan pertumbuhan sektor ekonomi lain yang berkaitan dengannya seperti pertanian (bekalan herba-herba berkaitan, makanan eksotik kesihatan), peruncitan, perhotelan dan pengangkutan. Justeru, akan terdapat usaha-usaha menambahbaik infrastruktur dan kemudahan-kemudahan tertentu yang bukan sahaja bagi tujuan memenuhi keperluan pelancong kesihatan, malahan turut sama dapat digunakan oleh masyarakat umum. Melalui pelancongan kesihatan juga, masyarakat setempat (termasuk penyedia perkhidmatan) dan para pelancong (terutamanya dari luar negara) berpeluang untuk mempelajari sesuatu yang baru mengenai budaya dan cara hidup masing-masing, justeru akan dapat menggalakkan pertukaran silang budaya.

KEKUATAN DAN CABARAN

Berdasarkan segmen pasaran kesihatan yang dikemukakan oleh Van Sliepen, Malaysia berpotensi menjadi sebuah destinasi pelancongan kesihatan berdasarkan faktor-faktor berikut:

- i. Malaysia mengalami iklim yang panas (khatulistiwa) sepanjang tahun yang menarik minat pelancong dari negara-negara beriklim sejuk. Kebanyakan mereka adalah pelancong yang berasal dari negara-negara Asia Timur, Eropah Utara dan Barat, Oceania dan Amerika Syarikat. Kemasukan pelancong antarabangsa yang ramai ke Malaysia tertumpu pada bulan November, Disember dan Januari sepanjang tahun. Ini kerana pada bulan-bulan tersebut negara-negara di Hemisfera Utara dan Selatan mengalami musim sejuk. Destinasi pantai menjadi tumpuan pelancong untuk menikmati suhu yang lebih panas serta melakukan pelbagai aktiviti seperti berjemur, mandi laut, berehat, bersiar-siar, menyelam dan sebagainya.
- ii. Malaysia mempunyai kekayaan sumberjaya alam semulajadi seperti hutan, gunung, tasik dan laut yang menggalakkan aktiviti pengembaraan dan cabaran. Kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa tertumpu di kawasan yang dilindungi (Taman Negara, Taman Negeri dan Taman Laut). Jenis aktiviti yang dilakukan berdasarkan sumberjaya alam semulajadi adalah seperti berikut : (lihat Jadual 3). Aktiviti-aktiviti pengembaraan yang dilakukan melibatkan penggunaan tenaga yang maksimum, mengeluarkan peluh dan melancarkan peredaran darah sekaligus menyumbang kepada peningkatan tahap kesihatan. Selain itu, Malaysia merupakan destinasi tumpuan pemain golf dunia kerana mempunyai padang golf yang berkualiti, dilengkapi kemudahan berkualiti, jaringan pengangkutan yang efisien serta kos perjalanan yang rendah. Lokasi tumpuan adalah di Lembah Klang dan Johor Bharu.
- iii. Malaysia merupakan negara yang mempunyai kawasan perairan luas menjadi laluan perkapalan menghubungkan negara-negara di seluruh dunia. Era pengangkutan laut ke sesebuah destinasi

pelancongan telah lama berkubur kerana pergerakannya lebih perlahan dan melibatkan masa yang panjang berbanding pengangkutan udara. Penggunaan kapal laut kini tertumpu kepada pelancong menghabiskan masa di dalam kapal persiaran dengan melakukan pelbagai aktiviti rekreasi dan moden. Laluan kapal persiaran dunia tertumpu di Laut Mediterranean, Amerika Utara, Caribbean, Asia Tenggara dan Oceania. Kedudukan Malaysia yang berada di laluan tersibuk perkapalan dunia selain mengalami iklim khatulistiwa menjadi tumpuan persinggahan kapal-kapal persiaran untuk mendapatkan bekalan operasi sekaligus memberikan peluang kepada penumpang melancong disini. Lokasi-lokasi persinggahan kapal persiaran tertumpu Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Pelabuhan Kelang, Kuching dan Kota Kinabalu.

- iv. Kesedaran yang tinggi di kalangan pelancong terhadap kesihatan menyebabkan pengusaha-pengusaha penginapan serta pusat peranginan menawarkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk kesejahteraan kesihatan pelanggan. Asalnya, pengusaha pusat peranginan dan penginapan hanya menyediakan bilik penginapan semata-mata untuk pelancong. Kini, kemudahan sauna, jakuzi, urutan tradisional, aromaterapi, refleksologi, makanan herba disediakan tertumpu di hotel bertaraf tiga bintang ke atas. Selain itu, kawasan kolam air panas juga menjadi tumpuan pelancong domestik dan antarabangsa kerana mampu menyembuhkan pelbagai penyakit serta kos yang murah. Sebanyak 50 buah lokasi air panas di Malaysia yang sebahagian besarnya masih belum dibangunkan. Ini disebabkan kedudukannya terpencil di kawasan luar bandar yang sukar dihubungi dengan kenderaan. Negeri Perak mempunyai lokasi air panas paling banyak tertumpu di sepanjang Banjaran Titiwangsa. Taburan lokasi air panas di Malaysia adalah seperti berikut : (*rujuk Jadual 4*).

Ciri-ciri pelancong yang mengunjungi kolam air panas adalah berasal dari negeri-negeri berhampiran, menggunakan kenderaan sendiri, golongan dewasa, corak perjalanan bersama keluarga, tertumpu pada hujung minggu di waktu malam, 'day trippers' dan menghadapi penyakit kulit, lenguh sendi dan kebas kaki tangan. Kedatangan pelancong yang menggalakkan menyebabkan beberapa lokasi air panas telah dibangunkan secara komersil seperti Ulu Legong Hotsprings di Baling Kedah, Tambun Hotsprings di Ipoh Perak, Sungai Klah Hotsprings di Sungkai, Perak dan Wet World Pedas Hotsprings di Negeri Sembilan.

- v. Kaedah rawatan yang ditawarkan untuk penyembuhan penyakit di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua iaitu rawatan di pusat perubatan moden dan rawatan secara tradisional. Kedua-dua kaedah mendapat sambutan yang baik daripada pelancong kerana kelebihan dalam penyembuhan penyakit yang dihidapi. Pembangunan banyak pusat perubatan moden di Malaysia berpotensi dijadikan sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana menawarkan kos rawatan yang lebih murah, doktor yang berkepakaran dan mempunyai peralatan yang canggih. Beberapa lokasi dipromosikan bagi tujuan perubatan moden seperti Melaka, Port Dickson, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Langkawi. Setelah mendapat rawatan di pusat perubatan, pelancong berpeluang bercuti dan berehat ke beberapa destinasi untuk proses penyembuhan.

Untuk memastikan konsep pelancongan kesihatan terus berkembang di Malaysia, beberapa cabaran perlu diberi perhatian di samping melakukan adaptasi-adaptasi yang bersesuaian kepada aspek-aspek yang berkaitan. Antaranya:

- i. Keindahan kawasan alam semulajadi (hutan, laut, gunung, gua, tasik) perlu dikekalkan sepanjang masa dengan menguatkuasakan undang-undang sedia ada daripada aspek pembangunan kawasan, menentukan had daya tampungan (*carrying capacity*) dan kod etika pelancong.
- ii. Pihak Jabatan Geologi dan Mineral bersama-sama Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa perlu mengeluarkan satu garis panduan pembangunan kawasan air panas daripada aspek mengenalpasti punca laluan air panas, rekabentuk bangunan, keselamatan pengguna dan sebagainya.
- iii. Menarik minat pihak swasta serta penduduk tempatan dalam merancang membangunkan kawasan-kawasan kolam air panas baru disamping menawarkan kaedah-kaedah rawatan tradisional lain seperti urutan, penggunaan herba, refleksologi dan sebagainya di lokasi tersebut.
- iv. Pihak yang bertanggungjawab terhadap destinasi (kerajaan atau swasta) perlu menaiktaraf kemudahan sedia ada dan berkualiti kepada pelancong seperti tempat letak kenderaan, tandas, chalet, wakaf, gerai, tong sampah dan sebagainya bagi menampung kedatangan pelancong yang meningkat.

- v. Papan tanda arah destinasi perlu diletakkan di lokasi-lokasi strategik seperti di susur keluar lebuhraya, persimpangan utama dan setiap 10 kilometer dengan saiz tulisan yang jelas.
- vi. Mencadangkan kepada pengusaha kapal persiaran dan agensi pelancongan supaya membentuk satu pakej pelancongan bersepadu yang melibatkan lawatan ke lokasi-lokasi sokongan apabila singgah di sesuatu destinasi.
- vii. Pengusaha pusat perubatan moden perlu bersama-sama dengan kerajaan dalam melakukan promosi dan pemasaran untuk menarik kedatangan pelancong mendapatkan rawatan di Malaysia.

KESIMPULAN

Di samping anugerah sumber alam semulajadi yang menawan, sinaran matahari tropika, kepulauan dan pantai-pantai yang indah, pelbagai tarikan pelancongan yang unik, pusat peranginan lima bintang dan keramahan penduduknya dalam satu persekitaran yang aman, Malaysia sememangnya terkenal sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik di dunia. Malahan, Malaysia juga mempunyai kemudahan perubatan serta perkhidmatan kesihatan bertaraf 'negara maju' pada kos 'negara dunia ketiga'. Pelancongan kesihatan merupakan satu sektor yang secara relatifnya masih baru yang sedang dibangunkan dan dipromosikan terutamanya bagi membantu meningkatkan pendapatan negara. Dalam satu persekitaran yang begitu kondusif, Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk mempromosi pelancongan kesihatan memandangkan kualiti dan kemampuan perkhidmatan penjagaan kesihatannya, kepakaran pakar perubatannya yang amat berkelayakan, serta terdapatnya kemudahan dan peralatan moden dan berteknologi tinggi.

Dengan kekayaan budaya dan warisan serta kepelbagaian tarikan pelancongan negara, bersama digabungkan dengan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang bertaraf antarabangsa pada harga yang mampu dibayar, Malaysia sebenarnya memiliki semua 'bahan-bahan' penting untuk bakal menjadi antara destinasi pelancongan kesihatan global yang terulung. Potensi sumbangan dan faedah daripada pelancongan kesihatan sebagai satu produk pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong dan sumbangannya terhadap ekonomi negara adalah besar. Dengan usaha yang berterusan dan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta, Malaysia mampu menjana pendapatan yang besar melalui pelancongan kesihatan. Namun, di sebalik keghairahan dan kerancakan membangunkan pelancongan kesihatan ini, beberapa cabaran termasuk potensi impak pelancongan yang positif dan negatif perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam mewujudkan satu pembangunan yang lestari demi kesejahteraan semua pihak terutamanya masyarakat tempatan.

RUJUKAN

- Burton, R. (1995). *Travel Geography : Second Edition*. London: Pitman Publishing.
- Epperson, A. (1983). Why people travel. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, April, 53-54.
- Godfrey, K. and Clarke, J. (2000). *The Tourism Development Handbook: A Practical Approach to Planning and Marketing*. London: Continuum.
- Goeldner, C. R. and Ritchie, J. R. B. (2003). *Tourism: principles, practices, philosophies*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Hall, C.M. & Weiler, B. (1992). What's Special About Special Interest Tourism?. Hall, C.M. & Weiler, B. (Ed), *Special Interest Tourism*. New York: John Wiley & Sons.
- Inskeep, E. (1991). *Tourism planning: an integrated and sustainable development approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Lickorish, L. J. and Jenkins, C. L. (1999). *An introduction to tourism*. London: Butterworth-Heinemann.
- Mathieson, A. and Wall, G. (1982). *Tourism: economic, physical and social impacts*. Singapore: Longman Singapore Publishers (Pte) Ltd.
- Nickerson, N. P. (1996). *Foundations of Tourism*. New Jersey, Prentice Hall.
- World Tourism Organization (2003). *Tourism highlights: edition 2003*. Madrid: WTO.
- Berita Harian*. 2004.11 September.
- New Straits Times*. 2008. 15 Julai.
- New Straits Times*. 2008. 4 Ogos.

http://202.190.126.84/utusan/info.asp?y=2008&dt=0504&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_04.htm

http://mstar.com.my/cms/content.jsp?id=com.tms.cms.article.Article_b27e5ffb-c0a85062-53594900-bfef1aa0

<http://www.idesa.net.my/modules/news/article.php?storyid=1425>

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0316&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke_01.htm

<http://www.malaysiahealthcare.com>

http://www.moodiereport.com/document.php?c_id=34&doc_id=15789

http://www1.bharian.com.my/Misc/Bajet/Hari/Laporan_Ekonomi2008/20070908104427/Article2

http://www1.bharian.com.my/Misc/Bajet/Hari/Laporan_Ekonomi/20051001123127/Article2

<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbajet.php?id=449075> (23 Oktober 2009)

JADUAL 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi saiz, sifat dan impak pelancongan

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Saiz, Sifat dan Impak Pelancongan
• Jumlah aktiviti pelancong berbanding aktiviti masyarakat setempat
• Tahap kepadatan atau keselerakan aktiviti pelancong di kawasan berkaitan
• Tempoh dan sifat hubungan pelancong dengan komuniti
• Kestabilan atau sensitiviti struktur ekonomi, sosial dan persekitaran setempat
• Persamaan atau perbezaan antara masyarakat tempatan dan pelancong
• Bagaimana baik pelancongan dirancang, dikawal dan diuruskan.

JADUAL 2: Impak pelancongan umum

IMPAK PELANCONGAN (secara umum)
Impak Ekonomi
• Peluang pekerjaan
• Meningkatkan pendapatan
• Pertukaran matawang asing
• Pendapatan Kerajaan melalui cukai
• Kos infrastruktur
• Peningkatan harga barangan
• Gangguan struktur ekonomi dan gunatenaga
• Kebocoran ekonomi (<i>leakages</i>) ke luar negara
Impak Sosiobudaya
• Pemuliharaan warisan budaya
• Desan demonstrasi (<i>Demonstration effect</i>)
• Gangguan kepada struktur dan pengagihan populasi
• Pertukaran silang budaya
• Peluang pendidikan
• Aspek keselamatan dan kawalan
• Masalah sosial
• Kualiti hidup masyarakat
• Kesesakan
Impak Persekitaran

<ul style="list-style-type: none"> • Pemuliharaan sumberjaya alam semulajadi dan buatan • Memperbaiki kualiti alam sekitar dan infrastruktur
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan daya tarikan alam sekitar • Meningkatkan kepekaan kepada alam sekitar
<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran air, udara, bunyi dan pemandangan • Masalah pembuangan sisa • Gangguan ekologi • Masalah kegunaan tanah

Sumber: *Inskeep (1991)*.

JADUAL 3 : Ciri-Ciri Aktiviti Berdasarkan Sumberjaya Alam Semulajadi

Aktiviti Pelancongan	Sumberjaya Alam Semulajadi
Sukan <ul style="list-style-type: none"> • Pendakian, <i>absailing</i> • Menyusuri gua • Air (berlayar, kanu) • Menyelam 	Tebing curam, batuan berceracak Gua (kawasan bukit batu kapur) Tasik, sungai, terusan, laut cetek Laut yang cetek
Cabaran / Risiko Tinggi <ul style="list-style-type: none"> • Berakit menyusuri jeram • Terjunan <i>buggy</i> • Peluncuran gantung (<i>hang-gliding</i>) • Belon udara panas 	Jeram sungai Tebing curam, jambatan Kawasan tanah tinggi Kawasan yang luas dan tiada halangan
Perjalanan dan Pengembaraan <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kereta dan motorsikal • Menyusuri sungai • Berbasikal • Berjalan kaki 	Persekitaran yang biasa yang mempunyai ciri-ciri menakjubkan Sungai, terusan Jalan, laluan pejalan kaki Jalan, laluan pejalan kaki

Sumber : *Burton, 1995*

JADUAL 4 : Taburan Lokasi Air Panas Di Malaysia

Kedah	
Air Hangat Village, Langkawi	Ulu Legong, Baling
Perak	
Sungai Klah, Sungkai	Tambun Hot Springs, Ipoh
Tapah	Hulu Slim, Batang Padang
Gopeng	Manong, Kuala Kangsar
Grik dan Pengkalan Hulu	Sg. Siput Selatan, Kampar
Kuala Lumpur	
Setapak	
Selangor	
Dusun Tua	Kerling
Batang Kali	Hulu Yam
Kuala Kubu Baru	Semenyih
Gombak	
Negeri Sembilan	
Pedas	Cengkau

Melaka	
Gadek	Alor Gajah
Bemban, Jasin	
Johor	
Batu Pahat	Labis
Pahang	
Bentong	Hulu Kuantan
Kelantan	
Machang	Jeli
Gua Musang	
Terengganu	
Kampung La Besut	
Sarawak	
Bau	
Sabah	
Poring	Tawau Hill Park